

09/03/2001

Pemaju perlu utama mutu, keselamatan rumah

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemaju hartanah perlu mengutamakan mutu serta faktor keselamatan rumah yang dibina, selain memastikan ia disiapkan untuk didiami mengikut tempoh termaktub dalam surat perjanjian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Senator Datuk M Kayveas berkata, pemaju seharusnya tidak terlalu ghairah berlumba-lumba menjanjikan tempoh yang singkat untuk menyiapkan sesuatu projek perumahan.

"Kita sudah terima banyak aduan daripada pembeli bahawa mutu binaan tidak memuaskan atau mengenai kerosakan infrastruktur lain seperti keretakan, perparitan, pendawaian dan lanskap yang tidak siap, walaupun pemilik menerima sijil kelayakan menduduki (CF).

"Perkara ini boleh dielak jika pemaju membuat perancangan rapi sasaran menyiapkan sesuatu projek dan pembeli pula sentiasa memantau pembinaan unit rumah yang dimiliki bagi memastikan ia mengikut spesifikasi perjanjian.

"Kementerian sentiasa sedia membantu, baik pembeli atau pemaju untuk menyelesaikan masalah dan mereka diminta mengemukakan aduan," katanya dalam majlis prapelanaran Kempen Pemilikan Rumah 2001, di sini hari ini.

Kempen yang dianjurkan S K Brothers Realty Sdn Bhd (S K Brothers) itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI), Dr Iskandar Ismail dan Pengerusi Penganjur kempen berkenaan, Charlie Chan.

Kayveas berkata, pemaju tidak wajar mengambil kesempatan meningkatkan pembinaan unit rumah tanpa menghiraukan mutu semata-mata untuk meraih keuntungan sempena penganjuran kempen memiliki rumah.

Beliau berkata, pemaju boleh mengelakkan pelbagai masalah, termasuk kemungkinan disenarai hitam, jika mereka lebih peka dan bertanggungjawab memastikan mutu binaan setimpal dengan harga yang perlu dibayar pembeli rumah.

Kempen yang julung kali dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 1998 itu mendapat sambutan menggalakkan dengan penjualan rumah bernilai lebih RM3.2 bilion diikuti RM2.2 bilion (1999) dan RM1.2 bilion tahun lalu.

Berdasarkan kejayaan cemerlang pada tahun-tahun lalu, S K Brothers akan menganjurkan kempen pemilikan rumah untuk tahun 2001 sepanjang April ini bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Difahamkan, lebih 70 peratus ruang pameran sudah ditempah pemaju dan potongan harga lebih menarik serta pelbagai hadiah sampingan dijangka dapat menarik lebih ramai bakal pemilik rumah ke pameran terbabit.

(END)